

## **IDENTITI MASKULINITI (KEJANTANAN) TERHADAP KEINGINAN UNTUK BERLUMBA DALAM KALANGAN MAT REMPIT DI MALAYSIA**

*(Masculinity Identity (Manhood) Towards The Desire to Race among Mat Rempit in Malaysia)*

Zalmizy Hussin & Siti Rohana Ahmad

### **ABSTRAK**

Kuasa simbolik maskuliniti dan minat dalam sukan pemotoran adalah suatu dorongan yang mencetuskan fenomena lumba haram di Malaysia. Apabila keinginan ini disekat akibat daripada ketiadaan tempat perlumbaan, kekangan undang-undang telah menyebabkan mereka beralih arah melakukan kegiatan ini di jalan-jalan awam. Kuasa simbolik maskuliniti adalah suatu identiti yang memainkan peranan penting dalam gaya hidup seorang lelaki. Walaupun, kepentingan identiti maskuliniti telah banyak dibahas dalam literatur agresif lelaki, sangat sedikit yang diketahui mengenai makna identiti maskuliniti dalam suasana di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui makna maskuliniti (kejantanan) dalam kalangan pelumba motosikal haram di Pulau Pinang Malaysia. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah temu bual secara mendalam dengan 30 orang lelaki muda Malaysia, 19 hingga 28 tahun dari kumpulan etnik Melayu di Pulau Pinang. Pendekatan analisis tematik digunakan untuk mengekstrak data. Perisian kualitatif NVIVO versi 11 digunakan untuk pengurusan data. Dapatan kajian menunjukkan identiti maskuliniti bagi Mat Rempit yang mendorong keinginan untuk berlumba adalah gaya pemanduan sembrono, tingkah laku playboy, dan penampilan macho. Kesemua faktor ini dianggap sebagai pra-syarat maskuliniti utama ketika ini dan mencerminkan peranan maskulin pada masa depan seperti yang diberi makna oleh para peserta. Kajian ini menunjukkan bahawa kesemua faktor ini membantu untuk pengukuhan makna kejantanan terhadap keinginan berlumba bagi Mat Rempit. Cadangan kajian yang harus dipertimbangkan oleh penyelidik akan datang adalah memberi tumpuan kepada perkembangan kesihatan maskuliniti daripada sudut membina sikap, tingkah laku dan peranan yang sihat. Kesimpulannya, perkembangan identiti maskulin yang sihat membantu menangani budaya popular ini daripada terus berleluasa.

**Kata kunci:** Identiti maskulin (kejantanan), keinginan berlumba, mat rempit, kajian kualitatif, Malaysia

### **ABSTRACT**

The symbolic power of masculinity and interest in sports is an impetus that triggers the phenomenon of illegal racing in Malaysia. When this desire was blocked because of the absence of a race venue, the constraints of the law caused them to shift directions on public roads. The symbolic power of masculinity is an identity that plays an important role in a man's lifestyle. While

the importance of masculine identity has been widely discussed in the aggressive literature of men, very little is known about the meaning of masculine identity in the Malaysian setting. This study aims to find out the meaning of masculinity (manhood) among illegal motorcycle racers in Penang Malaysia. This qualitative study used an in-depth interview method with 30 young Malaysian men, 19 to 28 years old from ethnic Malay groups in Penang. Thematic analysis approach is used to extract data. The qualitative software NVIVO version 11 is used for data management. Studies have shown that the masculine identity of *Mat Rempits* that drives the desire to race is reckless driving style, playboy behavior, and macho appearance. All these factors were considered as key pre-requisites of masculinity at this time and reflected the role of masculinity in the future as given meaning by the participants. This study shows that all these factors help to strengthen the meaning of masculinity towards the desire to race for *Mat Rempits*. The research proposal that should be considered by future researchers is to focus on the development of masculinity health in terms of building healthy attitudes, behaviors, and roles. In conclusion, the development of a healthy masculine identity helps address this popular culture from continuing to pervade it.

**Keywords:** Masculinity identity (manhood), desire to race, mat rempits, qualitative research, Malaysia

## PENGENALAN

Fenomena lumba haram adalah salah satu aktiviti sosial yang digemari oleh segelintir anak muda. Di Malaysia khasnya dan juga negara-negara lain di dunia umumnya mendepani masalah ini yang bukan sahaja menunggang secara berbahaya malah mempamerkan sikap dan tingkah laku. Masalah ini menjadi bebanan kepada negara. Bebanan yang terpaksa dihadapi oleh mangsa dan pengguna jalan raya. Mangsa mengalami trauma apabila mengalami tragedi seperti peras ugut, samun berkumpulan dan dipukul. Pengguna jalan raya pula merasa takut dan tidak selamat akibat daripada gaya pemanduan yang berisiko di atas jalan raya. Ada kalanya juga, pengguna jalan raya terpaksa bersabar dengan karenah mereka yang berkumpul di persimpangan lampu trafik di jalan-jalan utama. Ini membuktikan tingkah laku dan aksi mereka memberi satu ancaman keselamatan dan risiko kepada masyarakat (Mumshad & Ashraf, 2019). Kini, fenomena tersebut boleh dilihat sebagai satu budaya popular baharu dalam kalangan golongan muda yang mempromosi tingkah laku berisiko (Vingilis & Smart, 2009). Isu ini juga semakin popular kerana video lumba haram telah dimuat naik ke *YouTube* bagi mendapatkan tontonan tinggi, komen penonton, pelanggan, penonton ‘suka’ dan ‘tidak suka’ (Mumshad & Ashraf, 2019). Secara langsung, menggambarkan kepada umum tentang pembentukan identiti maskuliniti atau kejantanan satu kelompok sosial yang mahu dikenali dan mendapat perhatian daripada masyarakat.

Pelumba motosikal haram dalam artikel ini merujuk kepada individu yang telah dilabel sebagai Mat Rempit, iaitu “sekumpulan yang menyertai lumba haram dengan menunggang motosikal secara berisiko dan dikaitkan dengan jenayah kekerasan” (Hussin, & Ahmad, 2021; Hussin, 2017). Mat Rempit menggunakan motosikal yang telah diubah suai tanpa mengikut piawai, peralatan keselamatan terhad dan menunggang di bawah pengaruh alkohol dan dadah (Amit et al., 2016). Para pelumba biasanya akan mengubahsuai kenderaan secara sesuka hati tanpa mengikut standard yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa. Permasalahan kajian tertumpu kepada aktiviti

lumba haram yang dilakukan oleh mereka bukan sahaja dalam hal lumba haram, tetapi juga aktiviti yang berkaitan tingkah laku agresif yang umumnya juga dipersepsikan sebagai negatif. Walaupun telah banyak kajian lepas yang mengenal pasti korelasi dan tingkah laku ganas (Archer, 2004; Castro & Landry, 2005), kajian ini ingin memberi fokus kepada pembinaan identiti maskulin kejantanan yang mendorong keinginan Mat Rempit untuk berlumba. Suatu identiti maskulin yang wujud secara tidak langsung ‘mengiktiraf’ kehadiran mereka dan ia membantu mengekalkan kewujudan mereka sebagai satu kumpulan minoriti dalam masyarakat. Aspek-aspek ini dianggap perlu diketahui secara lebih mendalam memandangkan fenomena lumba haram dianggap salah satu masalah sosial remaja dan banyak usaha kini sedang dipergiatkan untuk menangani masalah tersebut sebaik mungkin.

## SOROTAN KARYA

Identiti maskulin adalah merupakan satu sifat, tingkah laku dan peranan yang mempunyai perkaitan dengan lelaki (Jourian, 2018; Quam et al., 2020). Konsep ini difahamkan sebagai suatu binaan sosial yang berbeza daripada takrifan yang difahami umum terhadap seks biologi seorang lelaki (Venegas, 2020). Piawai keperibadian atau kemaskulinan mengikut budaya dan tempoh sejarah yang berbeza (Hearn, 2019). Perbezaan binaan makna identiti maskulin dalam kalangan remaja (Mat Rempit) lelaki membawa kepada tingkah laku yang berisiko (Cohn et al., 2009). Pada umumnya, ciri-ciri tradisi yang dilihat sebagai bersifat kejantanan seorang lelaki dalam konteks masyarakat Barat adalah seperti kekuatan, keberanian, kebebasan, kepimpinan, keganasan, dan ketegasan (Diefendorf & Bridges, 2020; Gopinath & Sundar, 2020). Secara khusus, lelaki yang mematuhi ideal maskuliniti yang ditetapkan secara sosial sering terlibat dengan tingkah laku yang tidak sihat (contohnya penyalahgunaan dadah, tingkah laku seksual berisiko, pergaduhan, memandu secara sembrono, dll.) semata-mata untuk menunjukkan kejantanan mereka (Cole, 2015; Courtenay, 2000). Kajian lepas menunjukkan bahawa lelaki kemungkinan besar bertindak balas terhadap kekuatan rendah dalam hubungan intim dengan tingkah laku agresif yang lebih besar terhadap pasangannya. Penjelasan utama yang ditawarkan untuk tindak balas agresif lelaki terhadap kekuatan hubungan rendah adalah kekuatan rendah dapat mengancam identiti maskulin lelaki, dan tingkah laku agresif membantu menunjukkan kekuatan dan mendapatkan kembali identiti maskulin tradisional (Harrington et al., 2021). Senario ini telah menjadi suatu mimpi ngeri kepada golongan lelaki yang berusaha sedaya upaya untuk menangani krisis kejantanan dengan mempersoalkan makna kejantanan dan memikirkan semula kejantanan, perkembangan lelaki, jantina, dan identiti (Phillips, 2006). Justeru, wujudlah sifat machismo dalam kalangan remaja lelaki merupakan satu bentuk kejantanan yang menekankan kepada soal kuasa dan sering dikaitkan dengan ketidakpatuhan akibat dan tanggungjawab (Kulis et al., 2008; Meza Opazo, 2008).

Secara tradisinya, beberapa kajian lepas telah membuktikan ciri karakteristik seorang remaja lelaki berkaitan dengan identiti maskulin seperti authoritarianisme dan keperluan untuk kekuatan sosial dapat mengaktifkan keinginan untuk tampil dominan dalam komuniti setempat. Secara langsung, dapat meningkatkan kecenderungan seorang lelaki untuk menerapkan tingkah laku berbahaya dan ganas (Beesley & McGuire, 2009; Hall, 2019; Oliffe et al., 2021). Ia juga bergantung kepada pengalaman subjektif seseorang, iaitu sejauh mana seseorang itu boleh (atau mungkin tidak) mematuhi peranan lelaki, biasanya disebut sebagai tekanan peranan gender, juga

dikaitkan dengan peningkatan tahap agresif secara langsung, kawalan emosi, harga diri dan sikap budaya kebencian terhadap perempuan (Alonso, 2017; Casey et al., 2016; Hayes & Mahalik, 2000; Wong et al., 2015).

Ulasan karya yang berkaitan menunjukkan bahawa identiti maskulin sangat berkaitan dengan laporan tekanan psikologi, agresif, dan masalah tingkah laku ganas dalam kalangan lelaki (Addis & Mahalik, 2003; Berger et al., 2013; Mahalik & Dagirmanjian, 2019). Contohnya, pelaku tingkah laku ganas menyokong sikap “maskulin” seperti keperluan untuk berkuasa, dominan, dihormati dan juga sokongan terhadap penggunaan agresif untuk mendapatkan status (Cohn & Zeichner, 2006). Lebih-lebih lagi, lelaki dengan ciri keperibadian yang menunjukkan “hipermasculiniti” (iaitu, sokongan yang jelas dan tegas terhadap identiti maskulin) telah dikaitkan dengan tahap agresif yang lebih tinggi, prasangka seksual (misalnya, homofobia), dan penggunaan kekerasan terhadap wanita berbanding dengan lelaki yang jangan menyokong sifat keperibadian ini (Butz, 2001; Parrott et al., 2002; Reidy et al., 2009). Penyelidik juga berpendapat bahawa lelaki yang bersosialisasi dalam masyarakat merasakan tekanan yang kuat untuk menegakkan norma dan peranan gender yang mengakibatkan tekanan kognitif dan konflik emosi.

## METODOLOGI

Penyelidikan kualitatif (Corbin, J. & Strauss, 2015; Creswell, 2014; Creswell & Creswell, 2018) dipilih bertujuan untuk mengungkap makna dan mendapatkan pemahaman tentang pengalaman klien. Pendekatan ini meletakkan nilai utama dalam menafsirkan makna yang diinterpretasi yang dapat dilihat dan sebagai suatu cara membantu memahami corak tindakan yang dinamik dan struktur sosial (Bhattacherjee, 2012; Clarke & Hoggett, 2018). Kaedah penyelidikan kualitatif telah berjaya diterapkan pada banyak kajian mengenai seksualiti dan isu berdasarkan jantina dalam kalangan remaja. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran pembinaan identiti maskulin (kejantanan) untuk berlumba dalam kalangan Mat Rempit di Pulau Pinang, Malaysia. Dari segi pemilihan sumber data, Sampel kajian dipilih menggunakan persampelan bola salji yang juga dikenali sebagai kaedah jaringan atau network, rantaian rujukan atau *chain referral* atau pesampelan reputasi atau *reputational sampling*. Kaedah persampelan ini telah dilakukan secara berterusan sehingga penyelidik memperoleh semua informan yang dikehendaki. Kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dipilih kerana dipercayai dapat mewakili objektif sesuatu penyelidikan berkaitan sesuatu fenomena yang ingin dikaji (Clift et al., 2021). Seramai 30 orang lelaki Mat Rempit mengambil bahagian dalam kajian ini (Jadual 1). Kumpulan etnik terdiri daripada kaum Melayu sahaja dalam lingkungan umur di antara 18 hingga 28 tahun. Kriteria tambahan adalah peserta mestilah lelaki heteroseksual yang belum berkahwin. Pemilihan ciri-ciri tambahan ini kerana kebanyakan peserta kajian majoriti adalah lelaki muda dalam lingkungan umur 18 hingga 23 tahun. Tambahan pula, majoriti lelaki yang terlibat dalam aktiviti lumba haram adalah terdiri daripada individu yang belum berkahwin (Leigh, 1996).

Selain itu, teknik temubual secara mendalam yang terdiri daripada soalan terbuka telah diguna pakai untuk mengumpul data berkaitan dengan kajian ini. Protokol temu bual berlangsung mengambil masa antara 20 hingga 30 minit. Tempat untuk ditemu bual bergantung kepada pilihan dan kesesuaian peserta seperti sembang santai di kedai makan dan sebagainya. Wang sagu hati sebanyak RM20 diberikan kepada setiap peserta sebagai tanda penghargaan penyelidik dalam

menjayakan proses temu bual ini. Seterusnya, bagi kaedah memproses dan menganalisis data pula keseluruhan data daripada temu ramah akan dikumpulkan melalui rakaman telefon bimbit dan catatan tulisan tangan. Analisis dimulakan dengan membaca wawancara bagi mendapatkan gambaran keseluruhan dan kemudian kembali ke setiap transkrip wawancara dan membacanya dengan terperinci. Selepas itu, temu ramah untuk setiap responden akan ditranskripsikan secara verbatim setelah setiap temu ramah berlangsung. Dengan cara ini, data akan ditranskrip dan dikod sebelum dianalisis. Untuk mendapatkan hubungan dengan persoalan kajian, penyelidik menggunakan analisis tematik untuk mengenal pasti corak dan tema yang paling menarik semasa temu ramah (Braun et al., 2019; Braun & Clarke, 2006). Analisis tematik adalah bertujuan untuk mencari tema yang paling umum dan relevan dalam data yang diperolehi dan dapat mewakili keseluruhan kumpulan data (Nowell et al., 2017; Stone, 2020; Sundler et al., 2019). secara langsung, ia memerlukan penjelasan dan pengembangan tema dari data bagi menjawab persoalan kajian. Setelah penyelidik mengenal pasti kesemua tema utama dan membezakan tema penting dari tema yang tidak penting mengikut persoalan kajian, penyelidik membaca semula data dan menyemak semula tema apabila perlu.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1: Ciri Demografi Pelumba Motosikal Haram (Mat Rempit) (n=30)

Pembolehubah	Kekerapan (%)
<b>Umur mean±SD (years)</b>	22 (3.14)
<b>Pekerjaan</b>	
Pelajar	8(26.7)
Tidak bekerja	5(16.7)
Mekanik	7(23.3)
Pekerja kilang	6(20.0)
Pembawa makanan	4(13.3)
<b>Tahap pendidikan</b>	
SPM	12(40.0)
Diploma	16(53.3)
Degree	2(6.7)
<b>Jenis kediaman</b>	
Rumah sewa	4(13.3)
Rumah teres	9(30.0)
Pangsapuri	11(36.7)
Rumah kampung	6(20.0)
<b>Tinggal bersama</b>	
Kawan-kawan	9 (42.8)
Keluarga	21(57.2)

Berdasarkan jadual 1 menunjukkan ciri-ciri demografi 30 orang Mat Rempit. Hasil kajian majoriti umur yang terlibat dalam aktiviti ini adalah 22 tahun. mereka terdiri daripada para pelajar yang mempunyai tahap pendidikan Diploma. Kebanyakan mereka tinggal di rumah pangapuri dan tinggal bersama keluarga. Dapatkan kajian lepas mendapati punca kesesakan, kebosanan dan rumah yang sempit telah mempengaruhi segelintir mereka terjerumus dalam kancang lumba haram (Hussin, 2017). Hal ini kerana rumah yang sempit, tidak ada peluang, ruang dan kebebasan untuk berehat di rumah menjadi punca utama mereka keluar dan berjumpa dengan kawan-kawan mereka.

Selain itu, kewujudan fenomena Mat Rempit di Malaysia adalah sebahagian daripada masalah remaja yang berlaku pada ketika ini. Keadaan jiwa mereka yang sentiasa bergelora dan ingin memenuhi pelbagai impian menyebabkan impikan mereka tidak kesampaian. Terlalu banyak angan-angan yang mahu dicapai dan dimiliki. Ketika peringkat inilah, mereka terdedah kepada bermacam-macam tarikan seperti hiburan dan fesyen serta aktiviti masa lapang yang ada baik buruknya. Pendedahan dan tarikan yang kuat serta berterusan mempengaruhi hati, pemikiran dan sikap remaja terhadap kehidupan seharian mereka. Cara mereka berfikir, gaya penampilan turut mempengaruhi sikap dan perasaan. Aspirasi terhadap kehidupan yang terlalu berangan-angan menyebabkan mereka mempunyai peluang untuk membuktikan nilai diri, kejantanan (maskulin) dan keseronokan dengan mudah lebih-lebih lagi apabila melawan penguatkuasaan undang-undang (Ibrahim et al., 2015). Keinginan untuk berlumba adalah berpunca daripada kuasa simbolik maskuliniti dan minat dalam sukan pemotoran. Apabila keinginan ini disekat akibat daripada ketiadaan tempat perlumbaan, kekangan undang-undang telah menyebabkan mereka beralih arah melakukan kegiatan ini di jalan-jalan awam (Leigh, 1996).

Ideologi maskulin dalam kalangan Mat rempit lelaki telah terbukti berkaitan dengan tingkah laku agresif atau jenayah. Sebagai contoh, golongan lelaki dengan kepercayaan maskulin tradisional kurang cenderung untuk mengamalkan amalan gaya hidup yang sihat (Courtenay, 2000). Hal ini kerana mereka terdedah kepada pengambilan bahan seperti merokok, alkohol yang berlebihan dan berisiko tinggi dalam melakukan aktiviti seksual (Mahalik et al., 2007; Mahalik & Rochlen, 2006; Wong et al., 2015). Pada masa yang sama juga, sifat maskulin sangat penting bagi menjaga imej, status dan menggunakan kekerasan bagi menyelesaikan masalah. Hal ini dibuktikan dengan kajian yang dilakukan ke atas identiti maskulin telah menunjukkan hubungan, penghormatan, keberanian, agresif, dominasi dan kesediaan untuk menggunakan keganasan untuk menyelesaikan konflik dalaman adalah merupakan ciri-ciri utama identiti maskulin

Sifat maskulin telah terbukti berkaitan dengan tingkah laku agresif, aksi berbahaya dan menggerunkan (Hussin & Ahmad, 2021). Keberanian mereka jadi pujaan gadis muda sehingga turut terbabit dalam gejala negatif. Kelakuan dan tindak tanduk mereka turut membuatkan ramai yang resah, termasuk orang ramai, polis dan ibu bapa. Sehingga ada yang melabelkan golongan ini sebagai kelompok tidak takut mati, tidak serik dan tidak pernah untuk menginsafkan. Nanum begitu, kajian oleh (Leigh, 1996) telah membuktikan bahawa mereka akan berhenti menyertai sebarang perlumbaan apabila telah mencapai peringkat umur dewasa, berkahwin dan tidak melebihi 3 tahun penglibatan mereka dalam aktiviti ini.

Walaupun sering dikutuk dengan pelbagai kata yang tidak menyenangkan, penunggang motosikal yang digelar 'Mat Rempit' ini terus gah menunggang melulu dan berbahaya sambil melakukan aksi 'hebat' seperti mengangkat tayar depan atau 'willie' dan 'wikang' serta menunggang ala-superman (Hussin & Ahmad, 2021; Hussin, 2017). Imej maskulin yang dipamerkan ini seolah-olah mahu menunjukkan jiwa yang memberontak. Lantas, kuasa mereka di

jalan raya sebagai kuasa simbolik pemberontakan jiwa remaja di jalanan. Imej maskulin dan label ‘Mat Rempit’ sudah cukup menerangkan betapa tidak semegahnya perangai anak muda yang membawa motosikal dengan pelbagai lagak ngeri dan mengancam nyawa, bukan saja pada dirinya bahkan orang ramai.

Bagaimanapun, yang menghairankan di sebalik kata-kata dan cerita tidak sedap didengar itu, didapati ada gadis remaja menunjukkan minat dan keghairahan untuk berdamping dengan golongan mat rempit ini. Tanpa segan silu dan memikirkan risiko bahaya yang bakal dihadapi, ada di kalangan gadis ini suka dan merelakan diri menjadi pembonceng mat rempit serta sama-sama sanggup menempah maut. Lebih menyedihkan, ada di antara gadis ini mudah sekali terperangkap menjadi ‘habuan’ mat rempit apabila diri mereka menjadi barang taruhan dalam sesuatu perlumbaan haram (Hussin, 2017). Gadis yang dianggap boleh berfikir secara matang ini tidak tahu untuk menilai baik buruk sesuatu perkara atau hilang pertimbangan dalam membuat keputusan.

Di samping itu, remaja lelaki pada lazimnya meluahkan perasaan melalui sikap dan tingkah laku memberontak. Tindakan diambil lebih melambangkan dirinya yang memprotes sekiranya ada yang tidak dapat memenuhi hasrat hati mereka. Remaja seperti ini turut tidak kisah apa akan berlaku dan sebab itulah soal maruah diri seperti melakukan seks bebas, mengambil dadah, melakuka aksi-aksi risiko di jalanan mengundang bahaya bakal ditanggungnya kelak tidak pernah dipertimbangkan. Apa yang penting, mereka menerima cabaran dan mengikuti aktiviti yang turut sama dilakukan oleh orang lain. Ini menunjukkan ketiadaan nilai diri, agama dan budaya pada remaja lelaki berkenaan menyebabkan hilang arah pedoman dan mematuhi nilai-nilai norma dan masyarakat. Walaupun mereka memgetahui setiap tindakan mereka adalah menyalahi agama dan undang-undang jalan raya, remaja tersebut gagal berfikir secara rasional.

Oleh yang demikian, pembentukan imej dan watak maskulin seseorang Mat Rempit terhadap keinginan untuk berlumba dipengaruhi oleh penemuan tiga faktor iaitu **gaya pemanduan sembrono, bersikap playboy dan penampilan macho**. Kesemua faktor ini dianggap sebagai prasyarat maskuniti utama ketika ini dan mencerminkan peranan maskulin pada masa depan seperti yang diberi makna oleh para peserta. Dalam bahagian ini, hasil penyelidikan dibincangkan dan disokong dengan petikan ungkapan daripada temu bual secara terperinci.

**Gaya pemanduan sembrono-** adalah konsep yang menunjukkan bakat menunggang secara bahaya dan laju adalah semata-mata untuk mendapat perhatian daripada masyarakat. Gaya memandu sembrono dikategorikan oleh pelanggaran norma memandu yang pantas, mengasyikkan, dan disengajakan. Orang yang menggunakan gaya ini cenderung tanpa rasa takut, pemanduan berisiko dan melanggar undang-undang (Taubman-Ben-Ari & Skvirsky, 2016; Taubman - Ben-Ari et al., 2016; Yan et al., 2019). Aksi-aksi yang berbahaya bagi diri mereka dan mencetuskan rasa kurang senang orang lain dilakukan bertujuan melihat aksi memandu secara berisiko dan mereka mahu aksi itu dipuji (Hinnant & Stavrinos, 2020; Lee et al., 2021; Wang et al., 2018). Penjelasan ini merujuk kepada ungkapan yang diberikan oleh informan seperti berikut:

*“Bagi saya... bagi hendak menonjolkan sifat jantan yang sebenar adalah dengan melakukan aksi-aksi yang bahaya dan mendatangkan risiko. Bakat yang saya ada ini sukar hendak dilakukan dilitar-litar..jadi saya terpaksa memilih jalan raya untuk menunjukkan aksi saya ...saya suka kawan-kawan dan orang yang lihat akan puji...”* (24 tahun, Pelajar)

“Saya rasa tidak puas tunggang motosikal jika tidak membawa dengan laju... bawa laju motosikal ini menunjukkan sifat keberanian... boleh jadi anak jantan...” (25, Mekanik)

“Adakalanya, cara paling mudah untuk dapat perhatian orang dengan memandu secara laju dan berbahaya. Saya kadang-kadang terfikir juga nasib yang tidak baik jika saya mana la tahu kemalangan...” (23, Pelajar)

Sementara itu, **bersikap playboy** secara beransur-ansur dimasukkan ke dalam konsep maskuliniti. Menurut informan, konsep playboy merujuk kepada seorang lelaki yang dalam kehidupannya gemar menghabiskan masa dengan berfoya-foya (Beggan & Allison, 2003; Osgerby, 2002). Dalam dunia Mat Rempit, perkataan berfoya-foya merujuk kepada seseorang individu yang gemar bertukar-tukar pasangan perempuan kerana menganggap perempuan adalah sebagai simbol seks, hiburan, pergaulan bebas, berkhayal dan seks bebas. Berikut adalah beberapa ungkapan yang telah direkodkan oleh informan:

“Bagi saya..kejantanan seorang lelaki .apabila saya berjaya dalam satu-satu lumba haram...hadiahnya cukup lumayan....ada yang cagaran wang dan perempuan. Saya banyak dapat perempuan...bertukar-tukar main dengan perempuan. Rata-rata yang saya dapat adalah Bohsia yang suka pada Mat Rempit”(26 tahun, Mekanik)

“Bagi saya kejantanan tu boleh dikatakan sebagai untuk nampak lebih jantan adalah dengan menjadikan diri saya seorang yang playboy... Saya juga akui ramai yang tertarik dengan bentuk badan dan muka saya yang hensem ini...dan ramai jugak saya main dengan perempuan setelah dapat hadiah perempuan...” (23 tahun, Pelajar)

Selain itu, mereka juga mengaitkan dengan **penampilan macho** iaitu seseorang individu yang mempunyai bentuk tubuh yang tegap dan dengan erti maskuliniti sebagai salah satu cara mereka dapat menarik wanita dengan niat untuk menjalinkan hubungan seksual dengan perempuan yang dikenali (Gutmann, 2006). Konsep macho dalam kajian ini merujuk kepada seseorang lelaki mempunyai rasa “jantan” dan berdikari. Konsep ini juga berkaitan dengan “rasa bangga maskulin yang kuat, iaitu mempunyai sifat kejantanan yang berlebihan” (Brady et al., 2019). Konsep ini secara konsisten dikaitkan dengan dominasi dan tingkah laku agresif. Kenyataan ini telah dinyatakan oleh seorang pelajar berusia 23 tahun dan dua orang mekanik berusia 26 tahun dan 25 tahun:

“Maskuliniti bermaksud bagaimana seseorang itu menunjukkan macho dan berjaya pikat perempuan... perempuan akan jadi cair dan tergoda apabila melihat cara kita dan penampilan kita... pengalaman saya pernah menjalinkan hubungan seks pada hari pertama berjumpa...jadi, bagi saya lah...apa yang penting seorang lelaki memperlihatkan dirinya dengan tubuhnya, kejantannya untuk memikat wanita...”.

“Menjadi diri sebagai seorang yang macho dan menunjukkan kekuatan tubuh yang tegap... ada kalanya juga bersama kawan-kawan layan kepala di Disco...”.

“Bagi saya contoh model yang menjadi sumber inspirasi saya adalah Shahrul Yuzy... setiap kali aksi perlumbaannya di litar...saya akan ikuti. Saya nampak dia (Shahrul Yuzy) adalah seorang lelaki

*yang betul-betul jantan, berani, macho dengan gaya Lelaki maskulinnya...saya bangga dengannya yang berusaha sebagai mentor bagi mendidik bakat-bakat baru di Malaysian Cub Prix outfit Team Petronas Sprinta Racing dan sekarang beliau menerajui Yuzy Racing, pasukan lumba Cub Prix miliknya...betul-betul hebat..." – 25 tahun, Mekanik*

## KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, identiti maskulin dalam seorang pelumba motosikal haram mempunyai kaitan dengan sifat-sifat kejantanan seorang lelaki seperti perokok, gagah, kuat, berani, muh dihormati, muh pengiktirafan dan agresif. Ideologi maskulin telah terbukti berkaitan dengan tingkah laku agresif atau jenayah. Sebagai seorang lelaki maskulin, sudah pasti kurang cenderung untuk mengamalkan amalan gaya hidup yang sihat. Hal ini kerana mereka terdedah kepada pengambilan bahan seperti merokok, alkohol yang berlebihan dan berisiko tinggi dalam melakukan aktiviti seksual. Pada masa yang sama juga, sifat maskulin sangat penting bagi menjaga imej, status dan menggunakan kekerasan bagi menyelesaikan masalah. Secara kesimpulannya, identiti maskulin bagi diri Mat Rempit menunjukkan hubungan, penghormatan, keberanian, agresif, dominasi dan kesediaan untuk menggunakan keganasan bagi menyelesaikan sebarang bentuk konflik yang berlaku dalam realiti dunia Mat Rempit di Malaysia.

## PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia. (**Geran Penyelidikan Kolej: SO Code: 14825**). Penulis mendapat sokongan kewangan dari Geran Kolej yang berjudul **"Identiti Maskulin Dan Tingkah Laku Agresif Dalam Kalangan Pelumba Motosikal Haram Di Negeri Utara Semenanjung Malaysia"** (SO Code: 14825) untuk penyelidikan, pengarang dan penerbitan artikel ini.

## RUJUKAN

- Addis, M. E., & Mahalik, J. R. (2003). Men, masculinity, and the contexts of help seeking. In *American Psychologist* (Vol. 58, Issue 1). <https://doi.org/10.1037/0003-066X.58.1.5>.
- Alonso, A. (2017). The interplay between self-construal, gender identity, and aggressive style. *Dissertation Abstracts International: Section B: The Sciences and Engineering*, 77(7-B(E)).
- Amit, N., Ismail, R., Ibrahim, N., Said, Z., & Ghazali, S. E. (2016). Sensation seeking and self-esteem differences among illegal street racers in Malaysia. *Mediterranean Journal of Social Sciences*. <https://doi.org/10.5901/mjss.2016.v7n1s1p96>.
- Archer, J. (2004). Sex differences in aggression in real-world settings: A meta-analytic review. In *Review of General Psychology* (Vol. 8, Issue 4). <https://doi.org/10.1037/1089-2680.8.4.291>.
- Beesley, F., & McGuire, J. (2009). Gender-role identity and hypermasculinity in violent offending. *Psychology, Crime and Law*, 15(2–3). <https://doi.org/10.1080/10683160802190988>.
- Beggan, J., & Allison, S. (2003). "What sort of man reads playboy?" The self-reported influence

- of playboy on the construction of masculinity. *The Journal of Men's Studies*, 11(2). <https://doi.org/10.3149/jms.1102.189>.
- Berger, J. L., Addis, M. E., Green, J. D., Mackowiak, C., & Goldberg, V. (2013). Men's reactions to mental health labels, forms of help-seeking, and sources of help-seeking advice. *Psychology of Men and Masculinity*, 14(4). <https://doi.org/10.1037/a0030175>.
- Bhattacherjee, A. (2012). Social science research: Principles, methods, and practices. In *Book 3*.
- Brady, J. P., Kimball, D., Mendenhall, B., & Blashill, A. J. (2019). Machismo and anabolic steroid misuse among young Latino sexual minority men. *Body Image*, 30. <https://doi.org/10.1016/j.bodyim.2019.07.007>.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2). <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>.
- Braun, V., Clarke, V., Hayfield, N., & Terry, G. (2019). Thematic analysis. In *Handbook of Research Methods in Health Social Sciences* (pp. 843–860). [https://doi.org/10.1007/978-981-10-5251-4\\_103](https://doi.org/10.1007/978-981-10-5251-4_103).
- Butz, C. L. (2001). Assessment and prediction of violent sexual offending in young males. In *Dissertation Abstracts International: Section B: The Sciences and Engineering* (Vol. 61, Issues 11-B).
- Casey, E. A., Masters, N. T., Beadnell, B., Wells, E. A., Morrison, D. M., & Hoppe, M. J. (2016). A latent class analysis of heterosexual young men's masculinities. *Archives of Sexual Behavior*, 45(5). <https://doi.org/10.1007/s10508-015-0616-z>.
- Castro, J., & Landry, B. (2005). Race, gender, and class variation in the effect of neighborhood violence on adolescent use of violence. *Race, Gender & Class*, 12(1).
- Clarke, S., & Hoggett, P. (2018). Researching beneath the surface: Psycho-social research methods in practice. In *Researching Beneath the Surface: Psycho-Social Research Methods in Practice*. <https://doi.org/10.4324/9780429479564>.
- Clift, B. C., Gore, J., Gustafsson, S., Bekker, S., Batlle, I. C., & Hatchard, J. (2021). Temporality in qualitative inquiry: Theories, methods and practices. In *Temporality in Qualitative Inquiry*.
- Cohn, A. M., Seibert, L. A., & Zeichner, A. (2009). The role of restrictive emotionality, trait anger, and masculinity threat in men's perpetration of physical aggression. *Psychology of Men and Masculinity*, 10(3). <https://doi.org/10.1037/a0015151>.
- Cohn, A., & Zeichner, A. (2006). Effects of masculine identity and gender role stress on aggression in men. *Psychology of Men and Masculinity*, 7(4). <https://doi.org/10.1037/1524-9220.7.4.179>.
- Cole, J. (2015). Engendering health. In *Routledge Handbook on the Global History of Nursing*. <https://doi.org/10.4324/9780203488515.ch7>.
- Corbin, J. & Strauss, A. (2015). Basics of qualitative research: Techniques and procedures for developing grounded theory (4th Edition). In *Thousand Oaks, CA: Sage Publications, Inc.*
- Courtenay, W. H. (2000). Engendering health: A social constructionist examination of men's health beliefs and behaviors. *Psychology of Men and Masculinity*, 1(1). <https://doi.org/10.1037/1524-9220.1.1.4>.
- Creswell, J. W. (2014). w Creswell, J. (2009). Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches. SAGE Publications, Incorporated. In *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Method Approaches*.

- Creswell, W. J., & Creswell, J. D. (2018). Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches. In *Journal of Chemical Information and Modeling* (Vol. 53, Issue 9).
- Diefendorf, S., & Bridges, T. (2020). On the enduring relationship between masculinity and homophobia. *Sexualities*. <https://doi.org/10.1177/1363460719876843>.
- Gopinath, P., & Sundar, P. (2020). Introduction: Masculinities. In *South Asian Popular Culture* (Vol. 18, Issue 1). <https://doi.org/10.1080/14746689.2020.1736819>.
- Gutmann, M. C. (2006). The meanings of macho: Being a man in Mexico City. In *The Meanings of Macho: Being a Man in Mexico City*. <https://doi.org/10.2307/3034079>.
- Hall, C. M. (2019). Merging efforts: The intersections of domestic violence intervention, men, and masculinities. *Men and Masculinities*, 22(1). <https://doi.org/10.1177/1097184X18805565>
- Harrington, A. G., Overall, N. C., & Cross, E. J. (2021). Masculine gender role stress, low relationship power, and aggression toward intimate partners. *Psychology of Men and Masculinity*, 22(1). <https://doi.org/10.1037/men0000262>.
- Hayes, J. A., & Mahalik, J. R. (2000). Gender role conflict and psychological distress in male counseling center clients. *Psychology of Men and Masculinity*, 1(2). <https://doi.org/10.1037/1524-9220.1.2.116>.
- Hearn, J. (2019). So what has been, is, and might be going on in studying men and masculinities?: Some continuities and discontinuities. In *Men and Masculinities* (Vol. 22, Issue 1). <https://doi.org/10.1177/1097184X18805550>.
- Hinnant, J. B., & Stavrinos, D. (2020). Rewards decrease risky decisions for adolescent drivers: Implications for crash prevention. *Transportation Research Part F: Traffic Psychology and Behaviour*, 74. <https://doi.org/10.1016/j.trf.2020.08.028>.
- Hussin, Z & Ahmad, S. R. (2021). Exploring two types of aggressive behavioural risk factors among illegal motorcycle street racers in Malaysia. *International Journal of Criminology and Sociology*, 10, 784–794. <https://doi.org/https://doi.org/10.6000/1929-4409.2021.10.93>
- Hussin, Z. (2017). *Risk factors and forms of verbal and physical aggressiveness among mat motor and mat rempit in Penang, Malaysia*. Universiti Sains Malaysia.
- Ibrahim, N., Ismail, R., Halim, M. R. T. A., & Amit, N. (2015). Personality, high-risk activities and aggressive behaviour among illegal street racers. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(5S1), 527–533. <https://doi.org/10.5901/mjss.2015.v6n5s1p527>.
- Jourian, T. J. (2018). Trans\*forming higher education men and masculinity studies: a critical review. *NORMA*, 13(1). <https://doi.org/10.1080/18902138.2016.1260313>.
- Kulis, S., Marsiglia, F. F., Lingard, E. C., Nieri, T., & Nagoshi, J. (2008). Gender identity and substance use among students in two high schools in Monterrey, Mexico. *Drug and Alcohol Dependence*, 95(3). <https://doi.org/10.1016/j.drugalcdep.2008.01.019>.
- Lee, J. D., Liu, S. Y., Domeyer, J., & DinparastDjadid, A. (2021). Assessing drivers' trust of automated vehicle driving styles with a two-part mixed model of intervention tendency and magnitude. *Human Factors*, 63(2). <https://doi.org/10.1177/0018720819880363>.
- Leigh, A. (1996). Youth and street racing. *Current Issues in Criminal Justice*, 7(3), 388–393. <https://doi.org/10.1080/10345329.1996.12036716>.
- Mahalik, J. R., Burns, S. M., & Syzdek, M. (2007). Masculinity and perceived normative health behaviors as predictors of men's health behaviors. *Social Science and Medicine*, 64(11). <https://doi.org/10.1016/j.socscimed.2007.02.035>.
- Mahalik, J. R., & Dagirmanjian, F. R. (2019). Working-class men's constructions of help-seeking

- when feeling depressed or sad. *American Journal of Men's Health*, 13(3). <https://doi.org/10.1177/1557988319850052>.
- Mahalik, J. R., & Rochlen, A. B. (2006). Men's likely responses to clinical depression: What are they and do masculinity norms predict them? *Sex Roles*, 55(9–10). <https://doi.org/10.1007/s11199-006-9121-0>.
- Meza Opazo, R. (2008). Latino youth and machismo: Working towards a more complex understanding of marginalized masculinities. *Ryerson University*.
- Mumshad, M., & Ashraf, A. (2019). Illegal motorcycle street racing- a growing threat to public safety. *JPMA. The Journal of the Pakistan Medical Association*, 69(9).
- Nowell, L. S., Norris, J. M., White, D. E., & Moules, N. J. (2017). Thematic nalysis: Striving to meet the trustworthiness criteria. *International Journal of Qualitative Methods*, 16(1). <https://doi.org/10.1177/1609406917733847>.
- Olliffe, J. L., Kelly, M. T., Gonzalez Montaner, G., Seidler, Z. E., Maher, B., & Rice, S. M. (2021). Men building better relationships: A scoping review. In *Health Promotion Journal of Australia*. <https://doi.org/10.1002/hpja.463>.
- Osgerby, B. (2002). Playboys in paradise: masculinity, youth and leisure-style in modern America. *Choice Reviews Online*, 40(02). <https://doi.org/10.5860/choice.40-1128>.
- Parrott, D. J., Adams, H. E., & Zeichner, A. (2002). Homophobia: Personality and attitudinal correlates. *Personality and Individual Differences*, 32(7). [https://doi.org/10.1016/S0191-8869\(01\)00117-9](https://doi.org/10.1016/S0191-8869(01)00117-9).
- Phillips, D. A. (2006). Masculinity, male development, gender, and identity: Modern and postmodern meanings. In *Issues in Mental Health Nursing* (Vol. 27, Issue 4). <https://doi.org/10.1080/01612840600569666>.
- Quam, S., VanHook, C., Szoko, N., Passarello, A., Miller, E., & Culyba, A. J. (2020). Racial identity, masculinities, and violence exposure: Perspectives from male adolescents in marginalized neighborhoods. *Journal of Adolescent Health*, 67(5). <https://doi.org/10.1016/j.jadohealth.2020.08.003>.
- Reidy, D. E., Shirk, S. D., Sloan, C. A., & Zeichner, A. (2009). Men who aggress against women: effects of feminine gender role violation on physical aggression in hypermasculine men. *Psychology of Men and Masculinity*, 10(1). <https://doi.org/10.1037/a0014794>.
- Stone, P. J. (2020). Thematic text analysis: New agendas for analyzing text content. In *Text Analysis for the Social Sciences*. <https://doi.org/10.4324/9781003064060-3>.
- Sundler, A. J., Lindberg, E., Nilsson, C., & Palmér, L. (2019). Qualitative thematic analysis based on descriptive phenomenology. *Nursing Open*, 6(3). <https://doi.org/10.1002/nop2.275>.
- Taubman-Ben-Ari, O., & Skvirsky, V. (2016). The multidimensional driving style inventory a decade later: Review of the literature and re-evaluation of the scale. *Accident Analysis and Prevention*, 93. <https://doi.org/10.1016/j.aap.2016.04.038>.
- Taubman - Ben-Ari, O., Eherenfreund - Hager, A., & Prato, C. G. (2016). The value of self-report measures as indicators of driving behaviors among young drivers. *Transportation Research Part F: Traffic Psychology and Behaviour*, 39. <https://doi.org/10.1016/j.trf.2016.03.005>.
- Venegas, M. (2020). Masculinity as a mask: Class, gender and sexuality in youth masculinities. *Convergencia*, 27. <https://doi.org/10.29101/CRCS.V27I0.14142>.
- Vingilis, E., & Smart, R. G. (2009). Street racing: A neglected research area? *Traffic Injury*

- Prevention*, 10(2), 148–156. <https://doi.org/10.1080/15389580802641753>.
- Wang, Y., Qu, W., Ge, Y., Sun, X., & Zhang, K. (2018). Effect of personality traits on driving style: Psychometric adaption of the multidimensional driving style inventory in a Chinese sample. *PLoS ONE*, 13(9). <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0202126>.
- Wong, Y. J., Levant, R. F., Welsh, M. M., Zaitsoff, A., Garvin, M., King, D., & Aguilar, M. (2015). Masculinity priming: Testing the causal effect of activating subjective masculinity experiences on self-esteem. *Journal of Men's Studies*, 23(1), 98–106. <https://doi.org/10.1177/1060826514561989>.
- Yan, F., Liu, M., Ding, C., Wang, Y., & Yan, L. (2019). Driving style recognition based on electroencephalography data from a simulated driving experiment. *Frontiers in Psychology*, 10(MAY). <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2019.01254>.

## **MAKLUMAT PENULIS**

### **DR. ZALMIZY HUSSIN**

Universiti Utara Malaysia  
[zalmizy@uum.edu.my](mailto:zalmizy@uum.edu.my)

### **DR. SITI ROHANA AHMAD**

Kementerian Kesihatan Malaysia  
[drsitirohana@gmail.com](mailto:drsitirohana@gmail.com)